

# Anwar diancam bunuh



Wan Azizah dikelilingi pemimpin atasan PKR pada sidang media khas di Shah Alam, semalam.

## Susulan dakwaan Anwar Ibrahim meliwat

■ Laporan oleh **KASTHURI JEEVENDRAN, CONNIE S MONICAL, HASNIZA HUSSAIN, NOMIE RAITINI RAHMAN, M FEISAL NORAWI & RAHAYU MUSTAFA.**

■ Foto: **SAMSUL SAID & SKUAD CAKNA**

Si-h 30/06/08 M156

**SHAH ALAM** - Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengambil keputusan untuk 'menyembunyikan' Penasihatnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di tempat yang selamat kerana beranggapan nyawanya dalam bahaya.

Presiden PKR, Datin Seri Wan Azizah berkata, perkara ini sangat serius dan nyawa suaminya kini dalam bahaya malah Anwar sudah menerima ancaman bunuh sejak seminggu yang lepas.

"Keputusan untuk me-

letakkan Anwar di tempat selamat dibuat oleh parti, bukannya keputusan Anwar sendiri," katanya pada sidang media khas semalam.

Menurutnya, apa yang berlaku baru-baru ini umpama peristiwa tahun 1998 yang kembali berulang.

"Ini merupakan seratus peratus konspirasi politik yang cuba 'membunuh' nyawa dan karier politik Anwar," tegasnya.

Wan Azizah menambah, Anwar memberitahunya laporan beliau meliwat bekas pegawainya diatur oleh pihak yang berkepentingan untuk "menyerangnya" sebagai tindak balas terhadap bukti yang diperoleh berhubung salah laku membabitkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail.

Katanya, salah laku yang dimaksudkan, termasuklah bukti

dalam kes-kes terhadap Anwar sepanjang 1998 hingga 1999.

"Bagaimanapun, perbuatan tersebut tidak akan menghalang beliau mendedahkan perkara itu kepada orang ramai. Kami tidak percaya kepada pihak polis (tidak semua polis) dan badan kehakiman negara berikutan beberapa kes yang telah dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu demi kepentingan mereka semata-mata," tegas Wan Azizah lagi.

Beliau berkata, Saiful Bukhari Azlan yang mendakwa diliwat Anwar merupakan seorang sukarelawan yang tampil membantu PKR sewaktu pilihan raya umum dan ekoran itu, katanya, mereka tidak membuat sebarang semakan latar belakang Saiful.

Pada sidang akhbar yang sama, PKR turut mengumumkan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) mengata-

kan petang kelmarin dan memaksanya membuat laporan polis yang dia diliwat oleh Anwar.

Sementara itu, Anwar menerusi satu kenyataan berkata, laporan polis yang mendakwa beliau meliwat seorang kakitangannya, adalah satu rekaan semata-mata.

Katanya, beliau percayai ia adalah ulangan daripada apa yang berlaku pada 1998 di mana dakwaan yang sama dilemparkan terhadapnya secara paksaan.

Menurut beliau, ia jelas merupakan satu percubaan terdesak rejim Barisan Nasional (BN) untuk menyekat pergerakan rakyat Malaysia ke arah kebebasan, demokrasi dan keadilan.

Laporan terhadap Anwar dibuat oleh Saiful, 23, di Balai Polis Travers pada jam 6 petang kelmarin. Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Muhammad Sabtu Osman mengesahkan-nya.